

## PENYELENGGARAAN LANSKAP DI SEKOLAH-SEKOLAH

WONG MUN YAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai  
memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2008

## **ABSTRAK**

Lanskap merupakan elemen yang penting kepada sesebuah sekolah. Ia penting dalam mengekalkan dan menceriakan sekitar kawasan sekolah. Selain itu lanskap yang cantik di sekolah boleh merangsangkan minda kanak-kanak sekali gus meningkatkan keupayaan kemahiran mengingat mereka. Kajian ini fokus kepada mengenalpasti kerja-kerja penyelenggaraan lanskap yang terlibat di sekolah-sekolah, kos-penyelenggaraan serta masalah yang dihadapi semasa kerja penyelenggaraan lanskap dilakukan. Selain itu kajian ini turut memberikan cadangan penyelesaian ke atas masalah yang dihadapi. Skop kajian ini melibatkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan rendah dan menengah di MPJBT. Pengumpulan data diperolehi melalui borang soal selidik serta temubual dan responden adalah terdiri daripada pihak sekolah, pekerja, PPD serta JPN Johor. Kaedah peratusan dan teori asas (Grounded Theory) digunakan untuk menganalisis data. Kajian ini telah mengenal pasti kerja penyelenggaraan yang terlibat bagi lanskap hidup adalah kerja penyiraman, pembajaan, pemangkasan, penyulaman dan pengawalan rumpai bagi penyelenggaraan lanskap hidup. Manakala kerja pembersihan, pengecatan semula serta kerja pemeriksaan dan penggantian alat elektrik dan mekanikal merupakan kerja utama bagi penyelenggaraan lanskap kejur. Kos-kos yang terlibat pula adalah gaji pekerja, caruman KWSP, PERKESO, kos bahan, minyak petrol pemotongan rumput, peralatan, susut nilai mesin ,kos pentadbiran dan keuntungan. Masalah pada peringkat perancangan adalah penjadualan kerja yang tidak lengkap dan kelemahan spesifikasi. Pada peringkat pengurusan kontrak pula ialah kesukaran menentukan kerja sebenar dan format anggaran yang tidak standard. Manakala pada peringkat perlaksanaan kerja adalah kontraktor kurang pengalaman, kekurangan tenaga kerja dan penggunaan sistem penyelenggaraan tradisional. Akhirnya diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pembaca.

## **ABSTRACT**

Landscape is an important element to a school. It is important to maintain and invigorate the environment around the school. Apart from that, the beauty of landscape can spark the minds of children simultaneously enhance their memorizing skill. This study focused on recognizing the methods of maintaining landscape, the cost involved and the problems arising. An alternative method of solution to the problems will be discussed. This study had been carried out in MPJBT administrative area. The scope of this study involves primary schools and secondary schools. The data is collected by using questionnaire forms and interview. The respondents consist of school, employee, District Education Office and Johor State Study Department. Percentage method and Grounded Theory are being used to analyse the data. This study have found that the main maintenance works carried out for soft landscape are watering plants, fertilization, pruning, embroidery and weed control. While the main works for hard landscape maintenance are cleaning works, repainting, survey and replacement of electrical equipment and mechanical. However the costs involved in landscape maintenance work are employee salary, KWSP, PERKESO, material cost, petrol cost, equipment, depreciation of machineries, administrative cost and profit. Problems arise during planning stage are incomplete work schedule and weak specification. At contract management stage, the problems include difficult to identify the real work and do not have a standard format for estimation. Lastly problems occur in work compliance stage are the lack of contractor experience, lack of man power and the use of the traditional maintenance system.